

**ANALISIS PENDIRIAN AL-BUKHĀRIY
DALAM KITAB *SUNAN AL-TIRMIDHIY***

MOHD SAA'UFI BIN IBRAHIM

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2016**

**ANALISIS PENDIRIAN AL-BUKHĀRIY
DALAM KITAB *SUNAN AL-TIRMIDHIY***

Oleh

MOHD SAA'UFI BIN IBRAHIM

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Doktor
Falsafah**

Januari 2016

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
الحمد لله الذي أنزل على عبده الكتاب ولم يجعل له عوجا. أشهد ان لا اله الا الله وحده
لا شريك له وأشهد أن محمدا عبده ورسوله. اللهم صل على محمد وعلى آله وصحبه وسلم,
وبعد:

Setinggi-tinggi kesyukuran dan pujian kepada Allah S.W.T dengan keizinanNya, akhirnya tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya dalam tempoh yang ditetapkan.

Jutaan penghargaan dirakamkan kepada Yang Berbahagia Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Radzi bin Othman selaku Penyelia Utama atas kesudian dan kesanggupan beliau memberikan bimbingan serta tunjuk ajar bagi menjayakan tesis ini. Segala ilmu yang dicurahkan oleh beliau hanya Allah S.W.T yang mampu membalasnya. Begitu juga jutaan penghargaan kepada Yang Berbahagia Dr. Roshimah binti Shamsudin selaku Penyelia Bersama atas idea dan sumbang saran beliau. Begitu juga kepada Yang Berbahagia Ustaz Aidil bin Abdul Rahman atas segala perkongsian idea dan maklumat yang diberikan. Tidak lupa juga kepada isteri tercinta dan anak-anak tersayang atas segala pengorbanan dan sokongan yang diberikan. Semoga segala usaha dan sokongan kalian semua diletakkan di dalam neraca timbangan *ḥasanāt* di akhirat nanti.

Akhirnya, semoga tesis ini dikira sebagai amalan kebajikan serta mendapat keberkatan dan kerahmatan daripada Allah S.W.T. Sekian.

Mohd Saa'ufi bin Ibrahim.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
Penghargaan	ii
Kandungan	iii
Senarai Singkatan	ix
Jadual Transliterasi	x
Abstrak	xii
Abstract	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Kajian Lepas	15
1.4 Skop Kajian	23
1.5 Kepentingan Kajian	24
1.6 Objektif Kajian	26
1.7 Metodologi Kajian	28
BAB 2 PENDIRIAN PARA <i>MUḤADDITHĪN</i> TENTANG LATAR BELAKANG PARA PERAWI DAN PERKARA-PERKARA BERKAITAN	
2.1 Pendahuluan	34

2.2 Beberapa Aspek Pendirian <i>Muhaddithīn</i>	35
2.2.1 Mengenal Para Perawi	35
2.2.1(a) Mengenal Perawi Kalangan Para Sahabat	37
2.2.1(b) Mengenal Para Perawi <i>al-Wuḥḍān</i>	41
2.2.1(c) Nama, <i>Kunyah</i> , <i>Laqab</i> dan <i>Nisbah</i> Perawi	43
2.2.1(d) Mengetahui Martabat Para Perawi	48
2.2.2 Penentuan Martabat Para Perawi melalui <i>al-Jarḥ wa al-Ta’dīl</i>	52
2.2.2(a) Konsep <i>Ta’dīl</i> dan <i>Tajrīḥ</i>	52
2.2.2(b) Golongan <i>Muhaddithīn</i> dalam Amalan <i>al-Jarḥ wa al-Ta’dīl</i>	56
2.2.2(c) Lafaz-Lafaz <i>al-Jarḥ wa al-Ta’dīl</i>	58
2.2.2(d) Beberapa Asas Penerimaan <i>al-Jarḥ wa al-Ta’dīl</i>	69
2.2.3 Beberapa Prinsip Asas <i>al-Taṣḥīḥ wa al-Taḍḍīf</i>	73
2.2.4 Beberapa Asas dalam Penerimaan dan Penolakan Hadith	77
2.2.4(a) Asas <i>al-‘Adālah</i> pada Para Perawi	78
2.2.4(b) <i>Al-Ḍabṭ</i> pada Para Perawi	84
2.2.4(c) <i>Ittiṣāl</i> dan <i>Inqitā’</i> pada Sanad	88
2.2.4(d) Sejahtera daripada Syāz	95
2.2.4(e) Sejahtera daripada ‘ <i>Illah</i>	97

2.2.5 Menentukan Hadith Kategori <i>Gharīb</i>	99
2.2.6 <i>Al-Naqd</i> dalam Amalan Para <i>Muḥaddithīn</i>	104
2.2.6(a) <i>Al-Naqd</i> terhadap Sanad	105
2.2.6(b) <i>Al-Naqd</i> terhadap Matan	108
2.2.6(c) <i>Idṭirāb</i> dalam Sanad dan Matan	114
2.2.7 <i>Tathabbut</i> dalam Periwatan	116
2.2.7(a) <i>Taqyīd</i> dalam Periwatan	117
2.2.7(b) <i>Al-Istihlāf</i> dan <i>al-Istisyhād</i>	119
2.2.7(c) <i>Al-Iqlāl</i> dalam Periwatan	120
2.2.7(d) Menyemak Semula Kesahihan Hadith	122
2.2.7(e) Bimbang Mengurangi atau Menambah Matan Hadith	125
2.2.7(f) <i>Rihlah</i> untuk Menuntut Hadith	129
2.2.7(g) Meneliti Para Perawi dalam Sanad Hadith	132
2.2.8 <i>Mutābi‘ah</i> dan <i>Syawāhid</i> dalam <i>Taqwiyyah al-Aḥādīth</i>	134

BAB 3 AL-BUKHĀRIY, AL-TIRMIDHIY DAN KITAB *AL-SUNAN*

3.1 Imam al-Bukhāriy	141
3.1.1 Nama, Keturunan dan Latar Belakang Kehidupan	141

3.1.2 Keistimewaan Peribadi Beliau	146
3.1.3 Keilmuan Beliau	152
3.2 Imam al-Tirmidhiy	158
3.2.1 Nama, Keturunan dan Latar Belakang Kehidupan Beliau	159
3.2.2 Keistimewaan Peribadi Beliau	162
3.2.3 Keilmuan Beliau	165
3.2.4 Kritikan terhadap Beliau	168
3.3 <i>Sunan al-Tirmidhiy</i>	173
3.3.1 Nama Kitab Beliau	173
3.3.2 Keistimewaan Kitab Beliau	175
3.3.3 Kedudukan Kitab Beliau	185
3.3.4 Kitab <i>Thulāthiyyāt</i> dan <i>Rubā‘iyyāt al-Tirmidhiy</i>	191
3.3.5 <i>Mukhtaṣarāt Sunan al-Tirmidhiy</i>	193
3.3.6 <i>Syurūḥāt Sunan al-Tirmidhiy</i>	193
3.3.7 Terjemahan dan <i>Syurūḥāt Sunan al-Tirmidhiy</i> dalam Bahasa Asing	200
3.3.7(a) Terjemahan dalam Bahasa Melayu	200
3.3.7(b) Terjemahan dalam Bahasa Indonesia	204
3.3.7(c) Terjemahan dalam Bahasa Inggeris	205
3.3.7(d) Terjemahan dalam Bahasa Urdu	206
3.3.8 Kritikan Terhadap Naskhah <i>Sunan al-Tirmidhiy</i>	207

BAB 4 ANALISIS PENDIRIAN IMAM AL-BUKHĀRIY

4.1 Pendahuluan	210
4.2 Prinsip dan Pendirian Imam al-Bukhāriy	212
4.2.1 Mengenal Biodata Perawi	213
4.2.1(a) Penentuan Nama Perawi	214
4.2.1(b) Penentuan <i>Kunyah</i> Perawi	223
4.2.1(c) Pernyataan Sebab <i>Laqab</i> Perawi	232
4.2.1(d) Penentuan Perawi Kategori <i>al-Wuḥḍān</i>	236
4.2.2 Martabat Para Perawi	246
4.2.2(a) Penentuan Martabat Perawi Secara <i>Ta'dīl</i>	246
4.2.2(b) Penentuan Martabat Perawi Secara <i>Tajrīh</i>	281
4.2.3 Penentuan Kedudukan Sanad	310
4.2.3(a) Menentukan Kedudukan Sanad <i>Ṣaḥīḥ</i>	311
4.2.3(b) Menentukan Kedudukan Sanad <i>Ḥasan</i>	321
4.2.4 Penentuan Sanad yang Lebih Kuat	330
4.2.4(a) Menentukan Kedudukan Sanad <i>Aṣaḥ</i>	332
4.2.4(b) Menentukan Kedudukan Sanad <i>Ahsan</i>	376
4.2.4(c) Menentukan Kedudukan Sanad <i>Asybah</i>	386

4.2.5 Penjelasan Asas Penerimaan Hadith	392
4.2.6 Penjelasan Asas Hadith <i>Da'īf</i>	396
4.2.6(a) Menjelaskan ' <i>Illah</i> dalam Sanad	396
4.2.6(b) Menjelaskan ' <i>Illah</i> dalam Matan	422
4.2.7 <i>Al-Naqd</i> dalam Periwiyatan yang Dinilai <i>Idṭrāb</i>	432
4.2.8 Pernyataan Hadith Kategori <i>Gharīb</i>	439
4.2.9 Perkongsian Maklumat Tambahan	450
4.2.10 Mendinginkan Diri bagi Maklumat yang Belum Pasti	461

BAB 5 PENUTUP

5.1 Hasil Kajian	472
5.1.1 Pendirian Imam al-Bukhāriy	472
5.1.2 Ketokohan Imam al-Tirmidhiy	475
5.1.3 <i>Takhrīj</i> Hadith	476
5.1.4 <i>Sunan al-Tirmidhiy</i>	478
5.2 Saranan	479

BIBLIOGRAFI	481
--------------------	-----

SENARAI SINGKATAN

&	- dan
a.s	- <i>'alayhi al-salām</i>
bil.	- bilangan
cet.	- cetakan
Dr.	- Doktor
H	- <i>Hijriyyah</i>
Hj.	- Haji
hal.	- halaman
http	- <i>hypertext transfer protocol</i>
Ibid	- <i>Ibidem</i> (rujukan yang sama dan berturut)
jld.	- jilid
juz.	-juzuk
no.	- nombor
op.cit	- <i>opera citato</i> (rujukan berselang)
Prof.	- Profesor
r.a	- <i>raḍiya Allāh 'anhu</i>
S.A.W	- <i>Ṣallā al-Allāh 'Alayh Wa Sallam</i>
S.W.T	- <i>Subḥānahu Wa Ta'ālā</i>
t.t	- tanpa tahun terbitan
t.t.p	- tanpa tempat penerbitan
www	- <i>world wide web</i>

JADUAL TRANSLITERASI

Bacaan	Huruf Arab	Transliterasi
Alif	ا	-
Bā'	ب	b
Tā'	ت	t
Thā'	ث	th
Jīm	ج	j
Ḥā'	ح	ḥ
Khā'	خ	kh
Dāl	د	d
Dhāl	ذ	dh
Rā'	ر	r
Zay	ز	z
Sīn	س	s
Syīn	ش	sy
Ṣād	ص	ṣ
Ḍād	ض	ḍ
Ṭā'	ط	ṭ
Zā'	ظ	ẓ
'Ayn	ع	'
Ghayn	غ	gh
Fā'	ف	f
Qāf	ق	q
Kāf	ك	k

Lām	ل	l
Mīm	م	m
Nūn	ن	n
Wāw	و	w
Hā'	ه	h
Hamzah	ء	'
Yā'	ي	y
Tā' Marbūṭah	ة	ah

VOKAL

Pendek	Panjang	Diftong
(ا) <u> </u> <u> </u> = a	(ا) <u> </u> <u> </u> = ā	(اي) <u> </u> <u> </u> <u> </u> = ay
(ي) <u> </u> <u> </u> = i	(ي) <u> </u> <u> </u> = ī	(او) <u> </u> <u> </u> <u> </u> = aw
(و) <u> </u> <u> </u> = u	(و) <u> </u> <u> </u> = ū	

Sumber: Pedoman Transliterasi Perkataan Arab Ke Ejaan Rumi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2008.

ANALISIS PENDIRIAN AL-BUKHĀRIY DALAM KITAB *SUNAN*

AL-TIRMIDHIY

ABSTRAK

Imam al-Bukhāriy sememangnya tokoh agung dalam bidang hadith. Pandangan beliau sering menjadi sandaran para ilmuan lain. Imam al-Tirmidhiy sering merujuk beliau untuk menyelesaikan banyak permasalahan yang timbul. Dalam permasalahan yang dibincangkan, Imam al-Bukhāriy menyatakan jawapan beliau yang mempunyai maksud dan pendirian beliau yang tersendiri. Justeru, objektif utama tesis ini adalah untuk mengkaji dan menjelaskan punca perbincangan serta maksud sebenar daripada setiap jawapan Imam al-Bukhāriy yang merupakan pendirian beliau. *Takhrīj* juga dijalankan bagi mengkaji dan mengetahui status sebenar kedudukan sanad hadith yang berkaitan dengan jawapan dan pendirian Imam al-Bukhāriy. Sehubungan dengan ini, penulis telah menjalankan metode pengumpulan dan analisis data bagi mencapai objektif tersebut. Kajian ini mendapati bahawa di sebalik setiap jawapan oleh Imam al-Bukhāriy sememangnya terdapat alasan yang munasabah sehingga ia direkodkan oleh Imam al-Tirmidhiy. Jawapan Imam al-Bukhāriy juga merupakan antara perbincangan utama para ilmuan lain. Kajian ini mendapati terdapat sepuluh aspek perbahasan utama yang menyaksikan keluasan penguasaan maklumat yang dimiliki oleh Imam al-Bukhāriy. Setiap pendirian beliau dilihat lebih berasas walaupun ada ketika mempunyai maksudnya yang tersendiri dan berbeza dengan ilmuan lain. Malah, kebanyakan pandangan beliau menepati pandangan majoriti ulama lain kecuali pada beberapa perkara tertentu sahaja. Kajian ini juga mendapati sememangnya *Sunan al-Tirmidhiy*

berbeza dengan kitab-kitab hadith lain pada aspek *ṣinā'ah ḥadīthiyyah* kerana dimuatkan bersama di dalamnya perbincangan *'ulūm al-ḥadīth* dan pandangan para ulama lain terutamanya perkongsian ilmu Imam al-Bukhāriy yang luar biasa. Kajian ini juga mendapati hampir keseluruhan pendirian Imam al-Bukhāriy dipersetujui oleh Imam al-Tirmidhiy. Hasil daripada *takhrīj* terhadap kesemua 45 sanad hadith, 19 hadith adalah pada tahap *ṣaḥīḥ*, 1 hadith pada tahap *ṣaḥīḥ liḡhayrihi*, 11 hadith adalah pada tahap *ḡasan*, 13 hadith adalah pada tahap *ḡa'īf* dan 1 hadith adalah pada tahap *ḡa'īf jiddan*.

ANALYSIS OF AL-BUKHĀRIY'S STANCE IN *SUNAN*

AL-TIRMIDHIY

ABSTRACT

Al-Bukhāriy is undisputedly the greatest authority in the field of hadith. His views are frequently referred to by other scholars. Al-Tirmidhiy often consulted him to elucidate unresolved matters that arose. In all problems or issues discussed, al-Bukhāriy stated that his answers have their meanings according to his own unique stance. Thus, the main objective of this thesis is to study and explain the root of the discussion and the true meanings of every answer given by al-Bukhāriy according to his stance. This author exercised *takhrīj* to study and determine the actual status of the hadith's sanad (chain of narrators) in relation to al-Bukhāriy's answers and stance. Therefore, this author has employed the data collection method and its analysis to achieve the objectives above. This study discovered that for each answer discussed by al-Bukhāriy, there were plausible reasons backing it and thus al-Tirmidhiy recorded them. Al-Bukhāriy's answers had also become the focus of discussion amongst other scholars. This study also unearthed 10 main debates by al-Bukhāriy which served as a testimony to his ability in mastering a wide range and variety of information. Every opinion of his appeared to be well-grounded and at times displayed exclusive imports that were different from those other scholars. In fact most of al-Bukhāriy's views were well received by a great majority of other scholars except for a few items. This study also discovered that the *Sunan al-Tirmidhiy* is profoundly different from the other book of hadith in the aspect of *ṣinā'ah ḥadīthiyyah* because it included the debate on *'ulūm al-*

ḥadīth and the views of other scholars especially on the amazing dissemination of knowledge by al-Bukhāriy. This study also discovered that the stance of al-Bukhāriy was almost totally agreed by al-Tirmidhiy. As a result of the *takhrīj* done on all 45 hadith's sanad, 19 hadith carried the status of *ṣaḥīḥ*, 1 carried the status of *ṣaḥīḥ liḡhayrihi*, 11 are *ḡasan*, 13 are *ḡa'īf* and 1 is *ḡa'īf jiddan*.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Al-Quran dan hadith merupakan rujukan tertinggi umat Islam. Sebarang permasalahan umat di dunia ini sebenarnya dapat diselesaikan mengikut panduan dan kaca mata kedua-dua sumber utama ini. Hal ini amat bersesuaian dengan firman Allah S.W.T¹:

فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Kemudian jika kamu berbantah-bantah dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Qur'an) dan (Sunnah) RasulNya jika kamu benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya.²

Sememangnya setiap mukmin dididik dan disuruh untuk menerima segala perkara yang didatangkan oleh Rasulullah S.A.W. Al-Quran dengan jelas mengarahkannya melalui firman Allah S.W.T.³:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ
الْعِقَابِ

¹. Al-Quran, al-Nisā': 4: 59

². Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*, Darul Fikir: Kuala Lumpur, 2010, hal.200, no. 59.

³. Al-Quran, al-Hasyr: 59: 7

Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W kepada kamu, maka terimalah serta amalkannya dan apa jua yang dilarang maka tinggalkanlah. Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah, sesungguhnya Allah S.W.T amat berat azab seksaanNya.¹

Namun, setiap mukmin juga diingatkan agar cermat menerima sebarang perkhabaran yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W. Hal ini juga menepati sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah S.W.T menerusi firmanNya²:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا

Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita maka selidikilah.³

Maka, tidak hairanlah mengapa para sahabat amat cermat dan teliti dalam menerima sesuatu perkhabaran yang disandarkan kepada Nabi S.A.W. Antara contoh yang masyhur ialah bagaimana ‘Umar bin al-Khaṭṭāb meminta kepastian dan pembuktian daripada Abu Mūsā al-Asy‘ariy dalam isu memberi salam sebanyak tiga kali⁴ di mana Abū Mūsā mengatakan bahawa beliau dengar daripada Rasulullah S.A.W⁵:

إِذَا اسْتَأْذَنَ أَحَدُكُمْ ثَلَاثًا، فَلَمْ يُؤْذَنَ لَهُ فَلْيَرْجِعْ

¹. Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur’an*, hal.1486, no. 7.

². Al-Quran, al-Ḥujurāt : 49: 6

³. Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur’an*, hal.1384, no. 6.

⁴. Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthman Abu ‘Abd Allah Al-Dhahabiy, *Tadhkirah al-Ḥuffaz*, Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabiy, Beirut, 2002, juz. 1, hal. 73

⁵. Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughīrah Abu Abd Allah al-Bukhāriy, *Ṣaḥīḥ al-Bukhariy*, Maktabah al-Ṣafa: Cairo, 2003, juz. 3, hal. 190, no. 6245. Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Maktabah al-Ṣafa: Cairo, 2004, juz. 2, hal. 441, no. 2153. Kenyataan ini menunjukkan peribadi ‘Umar bin al-Khaṭṭāb begitu cermat dalam menerima perkhabaran dan bukan bermaksud beliau tidak menerima khabar daripada seseorang perawi kerana beliau sendiri pernah mengungkap satu lafaz berkaitan isu ini iaitu (أني أحببت أن أتثبت). Ahmad bin Ali bin Ḥajar al-‘Asqalāniy, *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*, Maktabah Dār al-Salām, Riyāḍ, 1997, juz. 4, hal. 378, no. 2062.

Apabila salah seorang daripada kamu telah meminta izin sebanyak tiga kali, lalu masih tidak diizinkan untuknya maka dia hendaklah pulang.

Ini menunjukkan bahawa usaha menjaga dan mengawal keaslian hadith merupakan antara gerak kerja yang dilakukan oleh generasi awal iaitu mereka yang menerima Islam secara langsung daripada Nabi Muhammad S.A.W. Usaha yang murni ini tidak terhenti pada zaman sahabat sahaja bahkan ia berterusan sehingga kepada zaman kemuncak dalam pembukuan hadith iaitu pada kurun ketiga hijrah di mana lahirnya tokoh-tokoh besar dalam bidang ini seperti Imam al-Bukhāriy, Imam Muslim, Imam Ahmad dan ramai lagi¹.

Dewasa ini terdapat banyak medium dalam menyalur dan menyebarkan sebarang maklumat. Tidak terkecuali dalam perkara yang bersangkutan paut dengan sumber hukum kedua iaitu hadith Nabi S.A.W. Memandangkan usaha untuk menjaga keaslian hadith merupakan suatu jihad yang amat besar yang perlu dipikul dan dijaga bersama agar tidak wujud sebarang maklumat atau sandaran yang salah terhadap diri Rasulullah S.A.W², maka keaslian hadith perlu dipastikan sumbernya. Pendirian sebegini adalah bertujuan agar tidak terjerumus kepada pendustaan terhadap hadith Nabi S.A.W dan tidak termasuk dalam golongan yang cuba mencipta perkara yang tidak diizinkan oleh syarak sebagaimana yang telah diingatkan di dalam al-Quran³:

قُلْ أَللَّهُ أَذِنَ لَكُمْ أَمْ عَلَى اللَّهِ تَفْتَرُونَ

¹. Muhammad bin Maṭar al-Zahrāniy, *Tadwīn al-Sunnah al-Nabawiyyah*, Dār al-Khūdayriy: al-Madinah al-Nabawiyyah, 1998, hal. 109. Nūr al-Dīn ‘Itr, *Manhaj al-Naqd Fī ‘Ulūm al-Ḥadīth* Dar al-Fikr: Beirut, 2003, hal. 61

². ‘Aṣim bin ‘Abd Allāh, *Wujūb al-Tathabbut Fī al-Riwāyah*, Maktabah Ibn al-Jawziy: al-Madinah al-Nabawiyyah, 1987, hal. 12.

³ Al-Quran , Yūnus : 10: 59

Katakanlah lagi (wahai Muhammad kepada mereka) ; “Adakah Allah izinkan bagi kamu untuk berbuat, atau kamu hanya mengada-adakan secara dusta terhadap Allah?”¹

Sehubungan dengan itu, usaha kajian hadith sememangnya tidak boleh dihentikan pada zaman dahulu sahaja, bahkan perlu diteruskan sepanjang zaman kerana selagi hadith-hadith Nabi S.A.W disebarikan maka ia sebenarnya perlu kepada kepastian sandaran yang betul kepada Rasulullah S.A.W.

Usaha ini juga dikira sebahagian daripada jihad menjaga agama Allah S.W.T di atas muka bumi ini. Antara kata-kata yang masyhur sebagai peransang untuk terlibat sama dalam usaha ini ialah ucapan Ibn al-Mubāarak²:

الإِسْنَادُ مِنَ الدِّينِ وَأَوْلَى الإِسْنَادُ لِقَالَ مَنْ شَاءَ مَا شَاءَ

Sanad itu sebahagian daripada agama, sekiranya tanpa sanad maka sesiapa sahaja boleh berkata apa sahaja yang dia kehendaki.

Lantaran inilah, penulis amat meyakini bahawa perlu untuk terlibat sama memberi saham walaupun amat kerdil dalam bidang ini agar sunnah Nabi junjungan terus utuh dan terpelihara hingga ke akhir zaman.

¹. Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*, hal.487, no. 59.

² Kenyataan ini menjadi sandaran imam Muslim dalam mukadimah beliau iaitu dalam bab *al-Isnād Min al-Dīn*. Yaḥyā bin Syaraf al-Nawawiy, *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, Dār al-Khayr, Beirut, 1996, juz.1, hal. 78.

1.2 Permasalahan Kajian

Semenjak dari awal lagi, Islam telah mendidik umatnya supaya sering bertanya sekiranya ada kemusykilan. Sehubungan dengan ini juga Allah S.W.T ada berfirman¹:

فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

*Oleh itu, kamu hendaklah bertanya kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.*²

Islam begitu terkedepan dan menepati fitrah manusia dalam mendidik umatnya agar berusaha menyelesaikan permasalahan orang lain dengan pelbagai pendekatan dan cara. Antara caranya ialah dengan menjawab soalan yang ditimbulkan oleh orang yang bertanya. Dalam hal ini, Nabi S.A.W adalah contoh ikutan terbaik di mana Baginda S.A.W sering menjawab soalan yang dikemukakan oleh para sahabat. Contohnya, Nabi S.A.W pernah menjawab soalan yang diajukan oleh seorang badwi tentang tarikh berlakunya kiamat³:

فَإِذَا ضُيِّعَتِ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ

Apabila dipersia-siakan amanah maka tunggulah kiamat

Sememangnya sudah menjadi sebahagian daripada disiplin para perawi hadith juga sering bertanya para guru mereka untuk mendapat kepastian dan penjelasan terhadap sebarang permasalahan yang timbul. Metode ini bukan sahaja wujud dalam

¹ Al-Quran: al-Naḥl: 16: 43

² Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*, hal.641, no. 43.

³ Muhammad bin Ismā'īl al-Bukhāriy, *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*, juz.1, hal. 25, no. 59.

kalangan para imam hadith, malah ia juga wujud dalam kalangan para sahabat sendiri¹. Begitulah juga, sebagaimana diketahui bahawa Imam al-Tirmidhiy sering bertanya dan berbincang dengan guru beliau Imam al-Bukhariy mengenai komentar terhadap seseorang perawi atau sebarang permasalahan yang dikira penting untuk diajukan kepada gurunya itu². Fakta ini adalah berdasarkan kenyataan secara jelas daripada beliau, iaitu:

”وما كان فيه من ذكر العلل في الأحاديث والرجال والتاريخ فهو ما استخرجته من كتاب التاريخ، وأكثر ذلك ما ناظرت به محمد بن إسماعيل ، ومنه ما ناظرت به عبد الله بن عبد الرحمن وأبا زرعة وأكثر ذلك عن محمد ، وأقل شيء فيه عن عبد الله وأبي زرعة“

“Apa sahaja mengenai al-‘ilal dalam hadith-hadith, para perawi dan al-tārikh, maka itu adalah apa yang saya ambil daripada kitab al-Tārikh³. Paling banyak dalam perkara tersebut ialah apa yang saya telah berbincang dengan Muḥammad bin Ismā‘īl. Sebahagiannya juga adalah apa saya telah berbincang dengan ‘Abd Allah bin Abd al-Raḥmān dan juga Abū Zur‘ah. Namun, yang paling banyak sekali (dalam berbincang) ialah daripada Muhammad. Perbincangan dengan ‘Abd Allah dan juga Abū Zur‘ah adalah paling sedikit.”

Seorang tokoh besar dalam bidang hadith seperti Imam al-Tirmidhiy yang bertanyakan soalan kepada guru beliau Imam al-Bukhariy sudah pasti di sebaliknya wujud permasalahan yang penting dan juga menjadi tajuk perbincangan kalangan para

¹ Muḥammad bin Maṭar, *Tadwīn al-Sunnah al-Nabawīyah Nay’atuh Wa Taṭawwuruh*, hal. 30.

² Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah al-Tirmidhiy, *Sunan al-Tirmidhiy*, Dār al-Hadith: Cairo, 2005, juz. 5, hal. 545.

³. Kitab tersebut adalah kitab al-Tārikh karangan Imam al-Bukhāriy. ‘Abd al-Raḥmān bin Aḥmad Ibn Rajab al-Ḥanbaliy, *Syarḥ ‘Ilal al-Tirmidhiy*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah; Beirut, 2007, hal.9.

ilmuan lain serta juga bukan perkara yang remeh¹. Sudah pasti di sebalik semua permasalahan yang diberi perhatian di sisi beliau itu terdapat punca, sebab dan alasannya yang tersendiri yang menjadikan beliau perlu merujuk kepada pendirian guru beliau Imam al-Bukhāriy.

Begitu juga jawapan dan pendirian yang dikongsikan oleh Imam al-Bukhāriy yang merupakan tokoh hadith yang paling terkemuka ini sudah pasti sarat dengan ilmu pengetahuan yang amat berguna dan bermanfaat kepada semua terutama bagi mereka yang terlibat dalam kajian bidang hadith. Malah, jawapan beliau juga sudah pasti ada alasan yang kuat dan sandaran yang tepat yang menyebabkan beliau berpendirian dengan sebarang pendirian.

Sememangnya boleh diakui bahawa ada ketikanya sesuatu pernyataan atau pendirian oleh para imam mempunyai maksudnya yang tersendiri yang berbeza dengan pendirian orang lain. Permasalahan utama yang ingin diketengahkan di sini ialah kefahaman sebenar terhadap apa yang diungkapkan oleh Imam al-Bukhāriy. Dalam hal ini terbukti bahawa Imam al-Tirmidhiy sendiri pun mempamerkan andaian dalam memahami kehendak sebenar Imam al-Bukhāriy. Contohnya, hasil daripada jawapan Imam al-Bukhāriy, beliau pada banyak kali cuba menyatakan maksudnya dengan lafaz-lafaz andaiannya seperti:

”فلم يقض فيه بشيء وكأنه رأى حديث زهير عن أبي اسحق عن عبد الرحمن
بن الأسود عن أبيه عن عبد الله أشبه“⁽²⁾

¹. Antara contoh soalan yang diajukan kepada Imam al-Bukhariy ialah seperti perbincangan daripada hadith-hadith no. 3, 5, 17 dan banyak lagi dalam kitab beliau. Al-Tirmidhiy, *Sunan al-Tirmidhiy*, juz. 1, hal. 91, 93 & 105.

². Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah al-Tirmidhiy, *Sunan al-Tirmidhiy*, juz. 1, hal. 105.

“Maka beliau tidak memutuskan sesuatu pun padanya dan seolah-olah beliau berpendapat bahawa hadith Zuhayr daripada Abī Ishāq daripada ‘Abd al-Rahmān bin al-Aswad daripada bapanya daripada ‘Abd Allāh adalah asybah.”

”وقال محمد لم يسمع مكحول من عنبة بن أبي سفيان وروى مكحول عن رجل عن عنبة غير هذا الحديث وكأنه لم ير هذا الحديث صحيحاً“⁽¹⁾

“Muhammad telah berkata bahawa Makḥūl tidak mendengar daripada ‘Anbasah bin Abi Sufyān. Sedangkan Makhūl telah meriwayatkan daripada seorang lelaki daripada ‘Anbasah bukan hadith ini. Seolah-olah beliau berpendapat bahawa hadith ini adalah ṣaḥīḥ.”

Setiap jawapan Imam al-Bukhāriy bukan semestinya menyamai dengan jawapan para *nuqqād*² lain. Contohnya kenyataan beliau dalam *tajrīḥ* seseorang perawi dengan lafaz *munkar al-ḥadīth*. Lafaz *tajrīḥ* ini sekiranya dilihat kepada pendirian kebanyakan para *nuqqād* bahawa lafaz *munkar al-ḥadīth* menunjukkan periwatatan seseorang perawi itu adalah pada tahap masih boleh diterima untuk tujuan *al-i‘tibār* dan juga *al-istisyhād*³. Namun, lafaz *tajrīḥ* ini sekiranya diucapkan oleh Imam al-Bukhāriy ia menunjukkan pendirian beliau bahawa seseorang perawi itu tidak boleh diterima periwatannya walaupun untuk *al-i‘tibār* dan juga *al-istisyhād*. Hal ini sebagaimana beliau sendiri ada menegaskannya dengan lafaz⁴:

”كل من قلت فيه منكر الحديث فلا تحل الرواية عنه“

¹. Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah al-Tirmidhiy, *Sunan al-Tirmidhiy*, juz. 1, hal. 185.

². Bermaksud para ilmuwan yang mengetahui perkara yang berkaitan dengan para perawi, kedudukan hadith dan seumpamanya. Abd al-Mājid al-Ghawriy, *Mu‘jam Muṣṭalahāt al-Ḥadīthiyyah*, Dār al-Syākir: Selangor, 2012, hal. 576.

³. Nūr al-Dīn ‘Itr, *Manhaj al-Naqd Fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Dār al-Fikr: Beirut, 1997, hal. 112.

⁴. Ibn Ḥajar mengakui bahawa sanad kata-kata Imam al-Bukhāriy ini yang melalui ‘Abd al-Salām bin Aḥmad al-Khaffāf daripada Imam al-Bukhāriy adalah *ṣaḥīḥ*. Aḥmad bin ‘Ali al-‘Asqalāniy, *Lisān al-Mizān*, Dār al-Basyā‘ir al-Islamiyyah: Beirut, 2002, juz. 1, hal. 220. Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān al-Dhahabiy, *Mizān al-‘Itdāl Fī Naqd al-Rijāl*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Beirut, 1995, juz. 1, hal. 119.

“Setiap perawi yang aku telah kata padanya munkar al-ḥadīth, maka tidak boleh diriwayat daripadanya.”

Contoh yang lain seperti lafaz *tajrīḥ fīhi naẓar* yang diucapkan oleh beliau adalah berbeza dengan kebanyakan para *nuqqād* lain. Kebiasaannya, lafaz *fīhi naẓar* ini di sisi beliau adalah sebarisan dengan martabat *tarakū ḥadīthahu* sedangkan di sisi *nuqqād* lain seperti yang disimpulkan oleh al-Sakhāwiy dan Nūr al-Dīn ‘Itr. Lafaz *tajrīḥ* ini adalah pada tahap *ḍa‘īf* yang ringan seperti tahap *takallamū fīhi* dan seumpamanya¹. Hal ini sebagaimana yang difahami dan dijelaskan oleh ramai para *nuqqād* lain yang terkemudian seperti al-Sakhāwiy² dan al-Suyūṭiy³. Contohnya, sebagaimana penjelasan daripada al-Suyūṭiy⁴:

“البخاري يطلق فيه نظر وسكتوا عنه فيمن تركوا حديثه”

“Al-Bukhāriy menyebut “*fīhi naẓar*” dan “*sakatū ‘anhu*” adalah pada individu yang mana mereka (para *nuqqād*) menolak periwayatannya.”

Setiap kenyataan Imam al-Bukhāriy juga tidak semestinya boleh difahami dengan satu maksud sahaja. Contohnya daripada lafaz *fīhi naẓar* ini juga perlu dilihat dan dikaji secara teliti maksud sebenar daripada kehendak beliau. Kebanyakan ulama berpendirian bahawa lafaz tersebut pada kebiasaannya adalah sama tahap dengan

¹. Nūr al-Dīn ‘Itr, *Manhaj al-Naqd Fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, hal. 112.

². Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān al-Sakhāwiy, *Fatḥ al-Mughīth Syarḥ Alfīyyah al-Ḥadīth*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Beirut, 1996, juz. 1, hal. 398-399.

³. ‘Abd al-Raḥmān bin al-Kamāl Abī Bakar al-Suyūṭiy, *Tadrīb al-Rāwī Fī Syarḥ Taqrīb al-Nawāwiy*, Maktabah Dār al-Turāth: Cairo, 2005, hal. 267.

⁴. ‘Abd al-Raḥmān bin al-Kamāl Abī Bakar al-Suyūṭiy, *Tadrīb al-Rāwī Fī Syarḥ Taqrīb al-Nawāwiy*, hal. 267.

⁵. Makasud *fīhi naẓar* ialah perlu perhatian padan seseorang perawi manakala *sakatū ‘anhu* ialah mereka diam dengan tidak menerima periwayatan seseorang perawi.

matrūk atau *dhāhib al-ḥadīth* atau seumpamanya¹. Antara mereka ialah seperti al-Dhahabiy yang boleh difahami melalui kenyataan beliau²:

“وقد قال البخاري: فيه نظر، ولا يقول هذا إلا فيمن يتهمه غالبا”

“*Sesungguhnya al-Bukhāriy telah berkata “fihī nazar” yang mana beliau tidak menyatakan sebegini melainkan pada kebiasaannya pada orang dituduh (dengan berdusta)*”

Ibn Kathīr juga menjelaskan maksud yang sama bahawa lafaz *tajrīh* tersebut pada tahap *jarḥ* yang paling bawah sebagaimana penjelasan beliau³:

“أن البخاري أيضا قال في الرجل: سكتوا عنه أو فيه نظر: فإنه يكون في أدنى المنازل وأفضحها عنده، ولكنه لطيف العبارة في التجريح، فليعلم ذلك”

“*Sesungguhnya al-Bukhāriy berkata kepada perawi: “mereka diam komentar daripadanya” atau “perhatian padanya”, sesungguhnya itu adalah pada tahap paling rendah martabat di sisi beliau. Namun, beliau amat lunak ungkapan dalam tajrīh, ketahuilah yang demikian.*”

Namun, pemahaman di atas tersebut tidak diterima sepenuhnya di sisi Sayyid Abd al-Mājid al-Ghawriy pengarang *Mu‘jam Alfāz wa ‘Ibārāt al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl al-Masyhūrah wa al-Nādirah*. Hal ini adalah hasil daripada penelitian beliau bahawa lafaz *fihī nazar* di sisi Imam al-Bukhāriy bukan semestinya menunjukkan bahawa pada martabat *jarḥ* apatah lagi pada tahap *muttāham* ataupun *tarakū ḥadīthahu*.

¹. Nūr al-Dīn ‘Itr, *Manhaj al-Naqd Fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, hal. 112.

². Kesimpulan al-Dhahabiy ini adalah daripada lafaz *tajrīh* melalui penilaian Imam al-Bukhāriy terhadap perawi ‘Abd Allāh bin Dāwūd al-Wāsiṭiy. Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān al-Dhahabiy, *Mizān al-‘Itidāl Fī Naqd al-Rijāl*, juz. 4, hal. 92.

³. Ismā‘īl bin Kathīr Ibn Kathīr al-Qurasyiy, *al-Ba‘ith al-Ḥathīth Fī Ikhtisār ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Dār al-Fikr Beirut, (t.t), hal. 55.

Malah mengikut beliau, kenyataan Imam al-Bukhāriy ini perlu diteliti terlebih dahulu kehendak beliau yang sebenar dengan dibandingkan bersama pandangan-pandangan *nuqqād* lain¹. Contohnya ialah perawi Ḥabīb bin Sālīm² yang dinilai oleh Imam al-Bukhāriy dengan lafaz *fīhi nazar*³, namun Imam al-Tirmidhiy menilai hadith yang diriwayatkan olehnya melalui perawi dengan lafaz *ḥasan ṣaḥīḥ*⁴. Malah hadith ini juga turut dinilai oleh Imam al-Bukhāriy sendiri pada tahap *ṣaḥīḥ*. Maklumat ini adalah berdasarkan pertanyaan Imam al-Tirmidhiy kepada Imam al-Bukhāriy sebagaimana lafaznya⁵:

“سألت محمدا عن هذا الحديث فقال هو حديث صحيح”

Sehubungan dengan ini juga, Ibn Ḥajar meneliti dan membuat kesimpulan bahawa perawi ini adalah pada tahap *lā ba’sa bihi*⁶.

Oleh yang demikian, lafaz *fīhi nazar* di sisi Imam al-Bukhāriy kebiasaannya mengikut kesimpulan ramai ulama adalah pada tahap *jaḥḥ* yang tidak boleh diterima langsung periwayatan seseorang perawi yang dinilai beliau dengan lafaz tersebut. Namun, lafaz ini masih perlu diteliti terlebih dahulu apakah maksud Imam al-Bukhāriy yang sebenar dengan lafaz tersebut.

¹. Sayyid ‘Abd al-Mājid al-Ghawriy, *Mu’jam Alfāz Wa ‘Ibārāt al-Jarḥ Wa al-Ta’dīl al-Masyhūrah wa al-Nādirah*, hal. 477.

². Beliau ialah Ḥabīb bin Sālīm *mawlā al-Nu’mān* bin Basyīr, *al-Anṣāriy*, yang mana beliau juga meriwayatkan hadith daripada *al-Nu’mān*. Muḥammad bin Isma’īl, al-Bukhāriy, *Kitāb al-Tārīkh al-Kabīr*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Beirut, 2008, juz. 2, hal. 304, no. 2606.

³. Muḥammad bin Isma’īl al-Bukhāriy, *Kitāb al-Tārīkh al-Kabīr*, juz. 2, hal. 305.

⁴. Hadith tersebut ialah dalam *Kitāb al-Jumu’ah*, pada *bāb mā jā’a fī al-qirā’ah fī al-‘aydayn*, bilangan 533. Muḥammad bin ‘Īsa al-Tirmidhiy, *Sunan al-Tirmidhiy*, juz. 2, hal. 321, no. 533. Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Muslim yang mana sanadnya juga adalah melalui Ḥabīb bin Sālīm. Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, juz. 1, hal. 420, no. 62-(878).

⁵. Abū Ṭālib al-Qāḍiy, *‘Īlal al-Tirmidhiy al-Kabīr*, Ālam al-Kutub: Beirut, 1989, hal. 92.

⁶. Aḥmad bin ‘Ali bin Ḥajar al-‘Asqālāniy, *Taqrīb al-Tahdhīb*, hal. 104, no. 1142.

Kemungkinan ini juga adalah sebahagian asas kepada al-Dhahabiy yang memahaminya sehinggakan beliau membuat kesimpulannya yang mengikat komentarnya dengan lafaz pada “kebiasaannya” sebagaimana kenyataan beliau dengan lafaz beliau¹:

“وقد قال البخاري: فيه نظر، ولا يقول هذا إلا فيمن يتهمه غالبا”

Seterusnya, contoh lafaz lain lagi daripada Imam al-Bukhāriy ialah seperti beliau mengeluarkan sesuatu kenyataan yang menunjukkan pada zahirnya bahawa beliau tidak mengetahui tentang satu perkara atau maklumat itu. Contohnya ialah kenyataan beliau seperti lafaz *lā adrī*. Kenyataan sebegini juga sekurang-kurangnya ada dua andaian utama. Salah satunya, kemungkinan beliau sememangnya tidak mengetahui atau tidak begitu pasti dan yang keduanya, kemungkinan maklumat tersebut adalah salah atau tidak tepat pada pendirian beliau. Perkara ini terbukti di mana beliau pernah ditanya mengenai satu hadith, kemudian beliau hanya menyatakan bahawa beliau tidak mengetahuinya. Lalu ‘Amr bin Ali menyimpulkan bahawa jawapan al-Bukhāriy sedemikian menunjukkan bahawa ia adalah maklumat yang salah. Peristiwa ini adalah sebagaimana disebut oleh al-Bukhāriy sendiri²:

“ذاكرني أصحاب عمرو بن علي الفلاس بحديث فقلت لا أعرفه فسروا بذلك
وصاروا إلى عمرو بن علي فقالوا له ذاكرنا محمد بن إسماعيل بحديث فلم يعرفه
فقال عمرو بن علي حديث لا يعرفه محمد بن إسماعيل ليس بحديث”

¹. Kesimpulan al-Dhahabiy ini adalah daripada lafaz *tajrīh* melalui penilaian Imam al-Bukhāriy terhadap perawi ‘Abd Allāh bin Dāwūd al-Wāsiṭiy. Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān al-Dhahabiy, *Mizān al-Itidāl Fī Naqd al-Rijāl*, juz. 4, hal. 92.

². Aḥmad bin ‘Ali bin Ḥajar al-‘Asqalāniy, *Hady al-Sārī Muqaddimah Faṭḥ al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*, Maktabah Dār al-Salām: Riyāḍ, 1997, hal. 676.

“Beberapa pengikut ‘Amr bin ‘Ali al-Fallās telah berbincang dengan aku mengenai satu hadith, lalu aku menjawab “aku tidak tahu” , lalu mereka gembira dengan jawapanku. Kemudian, mereka berjumpa dengan ‘Amr bin ‘Ali, lalu mereka berkata kepadanya “kami telah berbincang satu hadith dengan al-Bukhāriy, namun beliau tidak mengetahuinya” . ‘Amr bin ‘Ali pun menjawab “hadith yang mana Muḥammad bin Ismaīl tidak mengetahuinya sebenarnya ia bukanlah hadith.”

Lantaran inilah, penulis membuat kesimpulan bahawa kenyataan pendirian Imam al-Bukhāriy merupakan perkara dan perbincangan yang perlu diteliti serta dikaji agar dapat mengetahui kehendak sebenar beliau. Oleh yang demikian, perbincangan ini adalah suatu perkara yang baharu dan amat sesuai untuk dijadikan kajian.

Dengan ini, penulis memberi perhatian yang serius terhadap jawapan Imam al-Bukhāriy yang menunjukkan pendirian beliau tersendiri dalam menyelesaikan permasalahan yang dikongsikan oleh Imam al-Tirmidhiy. Dengan ini, antara perbincangan utama kajian penulis ialah mengkaji dan meneliti perkara yang tersurat dan tersirat di sebalik permasalahan yang diketengahkan dan jawapan yang dibalas serta pendirian yang dizahirkan. Kajian ini sememangnya amat penting dan seharusnya diberikan keutamaan kerana perbincangannya adalah antara dua tokoh yang besar yang merupakan sumber sebahagian rujukan utama umat Islam.

Tambahan lagi, perbincangan mengenai pendirian al-Bukhariy berkenaan permasalahan yang diketengahkan oleh anak muridnya ini adalah perkara yang masih belum dibincangkan dengan cara lebih terperinci dan menyeluruh. Tambahan pula jawapan dan komentar yang diberikan oleh Imam al-Bukhariy kebanyakannya adalah

secara umum dan ringkas¹. Lantaran itu, perbincangan dan kajian terhadap jawapan Imam al-Bukhariy adalah merupakan permasalahan yang belum dijelaskan yang sememangnya amat perlu diterokai dan dikaji dengan sebaiknya.

Di samping itu juga, jika diteliti kebiasaan Imam al-Tirmidhiy, beliau sering menentukan status sesuatu hadith yang diriwayatkan oleh beliau. Ada ketika juga beliau mendiamkan diri tanpa menyatakan status hadith. Memandangkan agak banyak hadith yang dikatakan *hasan* oleh beliau pun apabila dikaji masih berada pada tahap *ḍaʿīf*², maka apatah lagi hadith yang tidak dikemukakan dengan sebarang komen daripada beliau. Antara contoh ulama yang bersandarkan kepada hadith yang tidak dinyatakan status oleh beliau ialah al-Mundhiriyy dalam kitabnya *al-Tarḥīb wa al-Tarḥīb*³

Keputusan Imam al-Tirmidhiy sendiri dalam menentukan kedudukan hadith sememangnya menjadi perbincangan ramai ulama. Contohnya, status *hasan* di sisi beliau pun masih ada pertikaian dan perbahasan dalam kalangan para *nuqqād*⁴. Jadi, permasalahannya ialah masih ada dalam kalangan ilmuan yang berpaksikan semata-mata kepada *taṣḥīḥ* atau *taḥsīn* Imam al-Tirmidhiy tanpa diselidiki terlebih dahulu tentang status tersebut. Oleh itu, sebahagian daripada kajian ini ialah penulis akan

¹ Contohnya jawapan Imam al-Bukhārīy dengan ucapan *munkar al-ḥadīth*. Muḥammad bin ʿĪsa al-Tirmidhiy, *Sunan al-Tirmidhiy*, juz. 1, hal. 139.

² Contohnya kenyataan hasil *takhrīj* yang telah dilakukan oleh al-Albāniyy dalam kitab beliau *Ḍaʿīf Sunan al-Tirmidhiy* pada bahagian mukadimah. Muḥammad Nāsir al-Dīn al-Albāniyy, *Ḍaʿīf Sunan al-Tirmidhiy*, Maktabah al-Maʿārif Li al-Nasyr Wa al-Tawzīʿ: Riyāḍ, 2000, hal. 10.

³ Maklumat tersebut terdapat dalam *Kitāb al-ʿIlm, Bāb al-Tarḥīb Man Taʿallam al-ʿIlm li Ghayr Wajh Allāh* dan *Bāb al-Tarḥīb Min al-Mirāʾ Wa al-Jidāl*. ʿAbd al-ʿAzīm Ibn ʿAbd al-Qawīy al-Mundhiriyy, *al-Tarḥīb Wa al-Tarḥīb*, Dār al-Ḥadīth: Cairo, 1987, juz. 1, hal. 116, no. 2 & hal. 132, no. 7.

⁴ Muḥammad bin Ismāʿīl al-Amīr al-Ṣanʿāniyy, *Tawḍīḥ al-Afḳār*, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah: Beirut, 1997, juz. 1, hal. 156. Muḥammad bin Aḥmad bin ʿUthmān al-Dhahabiy, *Mizān al-Iʿtidāl Fī Naqd al-Rijāl*, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Beirut, 1995, juz 5, hal. 493

menjejaki dan menjalankan usaha *takhrīj* hadith-hadith yang berkaitan dengan perbahasan tesis ini.

1.3 Kajian Lepas

Berdasarkan pemerhatian penulis belum ada lagi tesis yang secara tepat mengkaji tajuk yang dipilih oleh penulis. Setakat ini kajian terhadap *Sunan¹ al-Tirmidhiy* di dalam negara sebenarnya belum banyak dilakukan. Antara kajian yang berkaitan dengan *Sunan al-Tirmidhiy* ialah;

Pertamanya ialah kajian peringkat Ijazah Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis ini tulisan Ahamad Asmadi bin Sakat pada tahun 1998 yang bertajuk *Metodologi Imam al-Turmudhi Dalam Kitab Sunannya (Jami'nya): Kajian Perbandingan Dengan Metodologi Sunan Ibn Majah*. Dengan ini, kajian yang akan dilakukan oleh penulis adalah berbeza dengan beliau kerana kajiannya tertumpu kepada perbandingan manhaj al-Tirmidhiy dengan Ibn Mājah. Kajian utama penulis adalah difokuskan kepada jawapan yang menjadi pendirian Imam al-Bukhāriy dalam menyelesaikan permasalahan al-Tirmidhiy. Oleh yang demikian, kajian ini sudah semestinya dikira perkara yang baharu dan amat sesuai untuk dijadikan kajian ilmiah, lebih-lebih lagi pada tahap ijazah lanjutan.

¹. Kitab yang mana pengarangnya menghimpunkan hadith-hadith hukum dan disusun mengikut bab-bab fekah. Muḥammad Abu al-Layth al-Khayr Ābādī, *Mu'jam al-Muṣṭalāt al-Ḥadīthiyyah*, Dār al-Syākir: Bangi, Selangor, 2004, hal. 45, no. 295.

Seterusnya lagi ialah tesis-tesis daripada Universiti Malaya. Antara tesis yang berkaitan ialah;

Pertamanya, tesis peringkat ijazah sarjana oleh Sālīm Ṣāliḥ Aḥmad al-‘Ummāriy pada tahun 2012 yang ditulis sepenuhnya dalam bahasa Arab yang bertajuk:

منهج الامام البخاري في كتابه الضعفاء: دراسة نظرية تطبيقية

Tesis beliau ini membincangkan manhaj Imam al-Bukhāriy yang difokuskan kepada kitab *al-Du‘afā’*. Dengan ini, walaupun melibatkan tokoh yang sama iaitu al-Bukhāriy, namun ia jauh berbeza dengan tumpuan penulis iaitu pada kitab yang dikaji.

Antara yang lain lagi ialah tesis peringkat ijazah kedoktoran yang mana juga dari Universiti Malaya. Tesis tersebut ditulis oleh Muhamad Sharifuddin bin Noh pada tahun 2003 yang bertajuk *Manhaj Imam al-Bukhari Dalam Akidah: Satu Kajian Terhadap Kitab al-Tawhid Dalam al-Jami‘ al-Sahih*.

Kedua-dua tesis tersebut adalah mengenai manhaj Imam al-Bukhāriy yang mana melalui pada kitab-kitab karangan Imam al-Bukhāriy sendiri. Oleh itu, memandangkan kajian penulis adalah mengenai pendirian Imam al-Bukhāriy, maka ia masih berbeza dengan kajian terdahulu kerana tumpuan penulis adalah pada *Sunan al-Tirmidhiy*. Dengan ini kajian yang dilakukan oleh penulis sudah semestinya perkara yang baharu dan berbeza dengan yang terdahulu.

Seterusnya tesis kajian dari Universiti Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur. Kajian tersebut bersamaan pada *nisbah* al-Tirmidhiy sahaja dan berbeza pada dua individu yang berlainan. Tesis yang dimaksudkan ialah bertajuk *Al-Hakīm Al-Tirmidhi's Conception Of Psychology And To Compare His Contributions With Those*

Of Other Early Muslim Scholars And Modern Western Psychologist oleh Abdul Latif bin Abdul Razak dari Universiti Islam Antarabangsa. Tesis ini adalah peringkat ijazah kedoktoran pada tahun 1999.

Tesis ini amat jauh berbeza dengan apa yang akan dikaji oleh penulis kerana fokus kajian beliau adalah tertumpu kepada konsep psikologi Imam al-Ḥakīm al-Tirmidhiy¹ dan perbandingan dengan ilmuan lain. Sedangkan tesis tumpuan penulis adalah kepada *Sunan al-Tirmidhiy* karangan Abū ‘Isā al-Tirmidhiy. Kesimpulannya, mengikut pengetahuan penulis, kajian-kajian di dalam negara mengenai pendirian Imam al-Bukhārīy dalam *Sunan al-Tirmidhiy* sebenarnya tidak ada kajian yang spesifik menjurus kepada tajuk yang akan dikaji oleh penulis.

Manakala kajian-kajian dari luar negara mengenai *Sunan al-Tirmidhiy*, ada beberapa tesis yang mana secara umumnya ada kaitan dengan tajuk tesis yang dipilih oleh penulis. Antaranya ialah seperti berikut:

Pertamanya, kajian mengenai *Sunan al-Tirmidhiy* di sebelah Eropah. Satu kajian yang telah dihasilkan oleh Ali Muhammad Mansur peringkat ijazah kedoktoran dari Universiti Manchester pada tahun 2009. Tajuk tesis beliau *Al-Tirmidhi and the role of the Isnad in his Sunan*. Tesis beliau ini difokuskan kepada peranan sanad dalam *Sunan al-Tirmidhiy*. Oleh yang demikian, aspek kajian beliau amat jauh berbeza dengan kajian penulis walaupun bersamaan pada nama kitab kajian.

Seterusnya kajian dari Universiti Ummu al-Qurā, Mekah sebagaimana berikut;

¹. Beliau ialah individu yang berbeza dengan Abu ‘Isā al-Tirmidhiy. Nama beliau ialah Muḥammad bin Ali bin al-Ḥasan, al-Tirmidhiy yang dikenali dengan al-Ḥakīm al-Tirmidhiy. Aḥmad bin ‘Ali bin Ḥajar al-‘Asqalāniy, *Lisān al-Mizān*, juz. 7, hal. 386, no. 7224.

Pertamanya, tesis peringkat sarjana tulisan ‘Abd al-Rahmān bin Rumayh bin Sa‘ūd al-Ramayh pada tahun 1429 (H), bersamaan 2008 (M) yang bertajuk¹:

الأحاديث التي حكى الترمذي والطحاوي وابن رجب ترك العمل بها لغير
النسخ دراسة وتخریجا وفقها

Tesis ini lebih menjurus kepada hadith yang dinyatakan oleh Imam al-Tirmidhiy dan dua ilmuan selepas beliau mengenai hadith yang tidak boleh beramal dengannya. Tesis beliau dijuruskan kepada kajian terhadap punca tidak beramal dengan hadith kajian, status hadith dan dikaitkan dengan pandangan ulama fiqh. Oleh itu, walaupun masih berpaksikan kepada kitab yang sama, namun tesis ini sememangnya tidak ada persamaan dengan apa yang dijuruskan oleh penulis kerana tumpuan penulis adalah kepada hadith-hadith yang ada padanya jawapan dan komentar Imam al-Bukhāriy.

Tesis kedua dari unversiti yang sama ialah kajian peringkat ijazah sarjana oleh ‘Abd al-Rahmān Sulaymān al-Syāyi‘ pada tahun 1422 H. Tajuk tesis tersebut ialah;

الأحاديث التي قال فيها البخاري لا يتابع في التاريخ الكبير

Tumpuan tesis beliau ini adalah berkenaan hadith-hadith yang dinilai oleh Imam al-Bukhāriy dengan lafaz *lā yutāba‘* dalam kitab *al-Tārīkh al-Kabīr*. Meskipun bersamaan pada tokoh iaitu Imam al-Bukhāriy, namun tesis ini jauh berbeza dengan apa yang diberi perhatian oleh penulis kerana berlainan pada kitab tumpuan.

Manakala dari Universiti Islam di Gaza, Palestin, terdapat beberapa kajian berkaitan dengan *Sunan al-Tirmidhiy* sebagaimana berikut;

¹ http://uqu.edu.sa/lib/digital_library/saudi, diakses pada 5 / 6 / 2012.

Pertamanya, kajian yang dilakukan oleh Sumayyah Yusuf Salamah pada tahun 2012, peringkat sarjana. Tumpuan tesis beliau ialah sekitar kajian dan takhrij terhadap hadith-hadith *al-rubā‘iyyāt* dalam *Sunan al-Tirmidhiy*. Tajuk kajian yang dimaksudkan ialah¹:

رباعيات الإمام الترمذي في سننه جمعًا وتخریجًا ودراسة

Berdasarkan tajuk beliau di atas ini, aspek yang dikaji sememangnya berbeza dengan apa yang dikaji dan diberi perhatian oleh penulis.

Seterusnya, tesis yang dihasilkan oleh Ḥātim Fu’ād ‘Abd al-Ḥamīd Zaqūt dan ‘Ādil Muhammad Sulaymān al-Zāmiliy², kedua-duanya pada tahun 2000 yang mempunyai tajuk yang hampir sama. Tesis Ḥātim Fu’ād Abd al-Ḥamīd Zaqūt bertajuk :

الأحاديث التي سكت عنها الترمذي في سننه جمعًا وتخریجًا من أول كتاب الفتن
إلى آخر الكتاب

Manakala tesis ‘Ādil Muhammad Sulaymān al-Zāmiliy bertajuk:

الأحاديث التي سكت عنها الترمذي في سننه جمعًا وتخریجًا ودراسة

Kedua-dua tesis ini adalah pada tahap ijazah sarjana yang hanya difokuskan kepada kesemua hadith yang tidak dihukum oleh Imam al-Tirmidhiy dalam kitab sunan beliau. Fokus utama tesis mereka berdua ini adalah kepada hadith yang tidak dinyatakan status oleh Imam al-Tirmidhiy sahaja sedangkan kajian penulis lebih menfokus kepada pendirian Imam al-Bukhāriy. Oleh yang demikian, secara umumnya

¹ <http://www.alazhar.edu.ps>, diakses pada 16/ 5/2015.

² <http://www.iugaza.edu>, diakses pada 26/ 4/ 2012.

tesis beliau adalah pada aspek yang jauh berbeza dengan apa yang akan dikaji oleh penulis walaupun kajian pada kitab yang sama iaitu *Sunan al-Tirmidhiy*.

Seterusnya, kajian dari Universiti al-Azhar di Mesir. Antara kajian yang dilihat hampir ada kaitan tumpuan kajian penulis sebagaimana berikut;

Pertamanya, kajian peringkat ijazah kedoktoran oleh Sa'īd Muhammad Isma'īl al-Ṣāwiy pada tahun 2006¹. Tajuk tesis beliau ialah:

مراجعة أحوال المدعو في السنة النبوية المشرفة فيما انفرد به الامام الترمذي

Kajian ini difokuskan kepada keadaan golongan sasaran dakwah berdasarkan hadith yang diriwayatkan secara sendirian oleh Imam al-Tirmidhiy. Dengan ini, perbincangan tesis beliau ini berbeza dengan apa yang diberi perhatian oleh penulis.

Keduanya, kajian peringkat ijazah kedoktoran oleh Ahmad Khayrat bin Muhammad al-Bayliy pada tahun 1998². Tajuk tesis beliau ialah:

الحديث الغريب في سنن الترمذي دراسة وتحقيق

Tesis beliau ini ditumpukan kepada mengkaji dan melakukan *tahqīq* kepada hadith-hadith *gharīb*³ dalam *Sunan al-Tirmidhiy*. Dengan ini juga tumpuan kajian beliau pada aspek yang berbeza dengan penumpuan utama kajian penulis.

Seterusnya, kajian daripada Universiti Islam al-Madinah al-Munawwarah. Antara kajian yang ada kaitan dengan *Sunan al-Tirmidhiy* adalah sebagaimana berikut;

¹. <http://www.azhar.edu.eg>. Diakses pada 16/ 5/ 2015

². <http://www.azhar.edu.eg>. Diakses pada 16/ 5/ 2015

³. Hadith *gharīb* adalah sebahagian daripada jenis-jenis hadith *āḥād*.

Pertamanya ialah kajian peringkat ijazah sarjana oleh Abd al-Raḥmān bin Ṣālih bin Muḥyi al-Dīn pada tahun 1401 (H). Tajuk tesis beliau ialah¹;

الأحاديث التي حسنها الترمذي وانفرد بإخراجها عن أصحاب الكتب الستة دراسة حديثة

Kajian tesis beliau ini adalah tertumpu pada hadith-hadith yang dinilai pada tahap *ḥasan* di sisi Imam al-Timidhiy. Dengan ini, aspek kajian penulis yang tertumpu pada pendirian Imam al-Bukhāriy sama sekali berbeza dengan kajian beliau ini.

Keduanya ialah yang merupakan satu-satunya kajian dari luar negara tentang Imam al-Bukhāriy dalam *Sunan al-Tirmidhiy* yang menjadi tumpuan dan pemerhatian penulis ialah kajian yang dilakukan oleh Yusuf bin Muhammad al-Dukhayl pada tahun 1424 (H), bersamaan 2003 (M) dari Universiti Islam al-Madīnah al-Munawwarah yang bertajuk:

سؤالات الترمذي للبخاري حول أحاديث في جامع الترمذي

Hasil daripada pengamatan penulis, kajian ini adalah tertumpu kepada hadith-hadith yang ditanyakan oleh Imam al-Tirmidhiy kepada guru beliau Imam al-Bukhāriy. Namun, kajian beliau hanyalah diskopkan kepada bentuk soalan Imam al-Tirmidhiy lafaz (سألْتُ) dan (ذاكرْتُ). Sedangkan masih terdapat lagi lafaz-lafaz *taḥammul* Imam al-Tirmidhiy yang lain direkodkan oleh beliau mengenai pertanyaan dan perbincangan beliau kepada guru beliau Imam al-Bukhāriy. Antara lafaz yang kerap direkodkan oleh beliau ialah lafaz-lafaz seperti (قال محمد) dan (سمعت محمدا).

¹. <http://www.iu.edu.sa>. Diakses pada 16/ 5/ 2015

Apa yang lebih penting, dalam aspek yang berbeza ialah kajian penulis lebih menjuruskan kepada menganalisis pendirian dan komentar yang diucapkan oleh Imam al-Bukhāriy dalam menyelesaikan permasalahan yang dibangkitkan oleh Imam al-Tirmidhiy. Kajian ini adalah tertumpu pada keseluruhan jawapan dan pendirian Imam al-Bukhāriy daripada apa yang direkodkan oleh Imam al-Tirmidhiy melalui lafaz-lafaz *tahammul* beliau yang pelbagai.

Tambahan lagi, kajian beliau hanya menfokuskan kepada menghuraikan daripada satu soalan Imam al-Tirmidhiy dan satu jawapan Imam al-Bukhāriy, sedangkan jawapan Imam al-Bukhāriy ada ketika melebihi daripada jumlah soalan yang ditanya dan ada ketika jawapan Imam al-Bukhāriy di luar daripada apa yang ditanya oleh Imam al-Tirmidhiy. Tambahan pula kajian terhadap kesemua jawapan Imam al-Bukhāriy melalui kesemua lafaz *tahammul* Imam al-Tirmidhiy yang pelbagai sudah pasti menjadikan tesis ini dapat jelas dan memberikan gambaran yang tepat mengenai pendirian dan gaya jawapan Imam al-Bukhāriy itu sendiri berbanding jika hanya dikaji sebahagian sahaja.

Oleh yang demikian, inilah yang menjadi sebab utama penulis memilih tajuk tesis ini dengan menfokuskan kepada menganalisis pendirian-pendirian Imam al-Bukhāriy yang mana ia jelas berbeza dengan tesis beliau. Oleh itu, kajian yang ditumpukan ini sememangnya berbeza dengan yang sebelumnya dan insya-Allah¹ sekurang-kurangnya tesis ini dapat memberi saham kepada ramai golongan pengkaji dan juga pembaca.

¹. Tulisan dan ejaan perkataan tersebut mengikut Kamus Dewan. Noresah bt. Baharom, *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 2007, hal. 582.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini secara umumnya menfokuskan kepada semua jawapan dan komentar Imam al-Bukhāriy berkaitan permasalahan yang direkodkan oleh Imam al-Tirmidhiy. Namun, memandangkan jawapan Imam al-Bukhāriy seperti yang direkodkan oleh Imam al-Tirmidhiy terlalu banyak dan sebagai memenuhi kesesuaian keperluan tesis, penulis hanya menumpukan kajian dalam juzuk 1 dan 2 sahaja. Kitab yang dijadikan kajian ialah *Sunan al-Tirmidhiy* yang telah dilakukan *tahqīq* oleh Ahmad Syākir¹ cetakan Dār al-Ḥadīth, tahun 2005 di Kaherah, Mesir².

Sehubungan dengan itu, sememangnya penulis akan meneliti pendirian Imam al-Bukhāriy dalam menyelesaikan sebarang permasalahan daripada anak murid beliau Imam al-Tirmidhiy. Perkongsian maklumat beliau sudah pasti bermanfaat kepada sesiapa sahaja memandangkan kehebatan beliau sebagai tokoh besar yang tidak dapat disangkal lagi oleh mana-mana pengkritik dan pengkaji.

Di samping itu juga, kajian ini akan meneliti semua sanad dan matan hadith yang berkaitan dengan jawapan dan pendirian Imam al-Bukhāriy. Dengan kata lain, kajian ini juga akan meneliti status hadith dengan menjalankan *takhrīj* kepada hadith yang diskopkan dalam kajian ini. *Takhrīj* akan dijalankan dengan membawa sanad-sanad baru jika perlu sama ada dengan cara *syawāhid* atau *mutābi‘āt*.

¹ Usaha *tahqīq* beliau sememangnya diakui ramai tokoh ilmunan termasuklah al-Albāniy sendiri. Al-Albāniy, *Da‘īf Sunan al-Tirmidhiy*, hal. 11.

² Cetakan ini menjadi pilihan penulis kerana buku ini terdapat di pasaran tanah air secara meluas.

1.5 Kepentingan Kajian

Berdasarkan pengamatan awal melalui kajian ini, penulis dapat menggariskan beberapa perkara penting dan bermanfaat yang boleh dikongsikan bersama menerusi kajian ini. Antaranya ialah seperti berikut:

- i. Perhatian utama kajian ini adalah kepada jawapan yang menjadi pendirian Imam al-Bukhāriy terhadap permasalahan yang dikemukakan oleh Imam al-Tirmidhiy. Jawapan beliau adalah secara umumnya banyak berkisar tentang persoalan *‘ulūm al-ḥadīth* yang merupakan perbahasan yang menarik. Oleh yang demikian, melalui jawapan beliau dapat difahami maksud sebenar pernyataan berkaitan *‘ulūm al-ḥadīth*.
- ii. Pendapat dan pendirian Imam al-Bukhāriy merupakan perbahasan yang penting terutama pada ketika pendirian beliau yang berbeza dengan para ilmuan lain seperti Imam Ahmad bin Hanbal, Abū Zur‘ah, Ibn Hibbān dan ramai lagi. Dengan ini, pendirian beliau dalam menyelesaikan masalah mampu dilihat samada boleh diterima orang lain atau sebaliknya.
- iii. Daripada jawapan Imam al-Bukhāriy juga dapat diketahui prinsip dan disiplin beliau dalam meriwayatkan sesuatu hadith. Contohnya apakah prinsip beliau bagi perawi yang pada tahap *sadūq*, adakah beliau tidak meriwayatkan hadith yang mana sanadnya ada perawi pada tahap *sadūq* walaupun ungkapan ini masih lagi pada tahap *ta‘dīl*¹. Kajian ini mendedahkan prinsip beliau yang menjadikan sesiapa sahaja lebih mengenali dan mengagumi sikap beliau.

¹ Nūr al-Dīn ‘Itr, *Manhaj al-Naqd Fī ‘Ulūm al-Hadīth*, hal. 110